

LAMISIL CREAM 1%[®]

Terbinafine hydrochloride (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lamisil Cream?
2. Bagaimana Lamisil Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Lamisil Cream
4. Cara menggunakan Lamisil Cream
5. Semasa menggunakan Lamisil Cream
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lamisil Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Hak Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini

Apakah kegunaan Lamisil Cream
Lamisil Cream digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan kulat kulit seperti berikut:

- Kaki makan air (*athlete's foot*) (tinea pedis) – terutamanya bila terjadi di celah-celah jari kaki
- Kurap/gatal selangkang [*dhobie (jock) itch*] (tinea cruris) – ruam gatal dengan lingkaran keliling yang jelas yang selalunya muncul pada kelangkang dan bahagian dalam paha.
- Kurap (*ringworm*) (tinea corporis) – tompok bulat ruam merah, juga mungkin berbentuk sisik.
- *skin candidiasis* (intertrigo atau ruam peluh) – kemerahan, gatal dan bersisik pada bahagian kulit terlipat yang sentiasa basah kerana peluh.
- Panau [*pityriasis (tinea) versicolor*] - panau muncul pada kulit dalam bentuk tompok bersisik yang menjadi tompok putih disebabkan kehilangan pigmentasi kulit.

Bagaimana Lamisil Cream berfungsi

Lamisil Cream ialah anti-kulat, dan membunuh kulat yang menjangkiti kulit.

Sebelum menggunakan Lamisil Cream

Bila tidak boleh menggunakan Lamisil Cream

- Jangan gunakan Lamisil Cream pada kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah.
- Jangan gunakan untuk merawat jangkitan kulat kuku (dalam and bawah kuku), warna kuku dan tekstur kuku berubah (tebal, mengelupas). Sila jumpa dengan doktor anda untuk mendapatkan rawatan yang sesuai bagi jangkitan seperti ini.
- Jangan menggunakan Lamisil Cream jika anda:
 - Alergi (hipersensitif) kepada terbinafine hydrochloride atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (tersenarai di Maklumat Lanjut).

Maklumat penting mengenai sesetengah bahan-bahan kandungan dalam Lamisil Cream

Lamisil Cream mengandungi

- cetyl alkohol dan stearyl alkohol: boleh menyebabkan reaksi kulit (contohnya, dermatitis sentuh).

Kehamilan, penyusuan dan kesuburan

Sekiranya anda hamil atau sedang menyusu bayi, atau merancang untuk menjadi hamil, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini. Jangan menggunakan ubat ini semasa hamil melainkan jika benar-benar perlu.

Jangan menggunakan ubat ini semasa menyusu. Jangan membiarkan bayi bersentuhan dengan kulit yang dirawat, termasuk payu dara. Bahan-bahan kandungan boleh menyerap ke dalam susu payudara.

Sebelum mula menggunakan Lamisil Cream:

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Lamisil Cream.

- Untuk kegunaan luaran saja.
- Jangan gunakan dalam mulut atau menelannya.
- Sekiranya krim terkena mata, bilas mata dengan air yang mengalir hingga betul-betul bersih. Sekiranya sebarang ketidakselesaan berterusan, jumpa doktor anda dengan segera.

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan atau sedang menggunakan atau mungkin akan menggunakan ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Jangan sapu ubat lain pada bahagian kulit yang sedang dirawat.

Cara menggunakan Lamisil Cream

Sentiasa ikut arahan risalah ini atau arahan doktor atau ahli farmasi semasa menggunakan ubat ini. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya anda kurang pasti.

Pastikan anda menggunakan Lamisil Cream secara betul. Ikut arahan-arahan ini dengan teliti.

Arahan penggunaan:

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:

- Cuci dan keringkan bahagian kulit yang dijangkiti dan bahagian sekelilingnya. Kemudian, basuh tangan anda.
- Buka penutup skru, dan jika pertama kali menggunakan, cucuk mulut tiub dengan pepaku pada penutup, kemudian picit tiub perlahan-lahan.
- Sapukan krim dengan secukupnya untuk membentuk lapisan nipis atas kulit yang dijangkiti dan kulit di sekelilingnya.
- Gosok perlahan-lahan.
- Tutup semula penutup pada tiub. Basuh tangan anda selepas menyentuh kulit yang dijangkiti supaya anda tidak menyebarkan jangkitan pada diri anda sendiri atau orang lain.

Jika anda merawat jangkitan pada lipatan kulit di badan anda, anda boleh tutup bahagian yang dirawat dengan pembalut kasa, terutama sekali pada waktu malam. Gunakan pembalut kasa baru yang bersih setiap kali anda menyapu krim.

Jika sapu pada muka, jauhkan ubat daripada mata.

Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli

LAMISIL CREAM 1%[®]

Terbinafine hydrochloride (1% w/w)

farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berlainan daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak faham arahan pada label, minta bantuan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Bila perlu digunakan

- **Kaki makan air (Athlete's foot):** sapu sekali sehari
- **Gatal selangkang dan kurap [Dhobie (jock) itch and ringworm]:** sapu sekali sehari
- **Skin candidiasis (intertrigo atau ruam peluh):** sapu sekali atau dua kali sehari
- **Pitiriasis versikolor (Pityriasis versicolor):** Sapu sekali atau dua kali sehari

Berapa lama perlu digunakan

Sapu Lamisil Cream pada kulit yang dijangkiti sebagaimana berikut:

- **Kaki makan air (Athlete's foot):** sapu selama satu minggu
- **Gatal selangkang dan kurap [Dhobie (jock) itch and ringworm]:** sapu selama satu minggu
- **Skin candidiasis (intertrigo atau ruam peluh):** sapu selama satu atau dua minggu. Jangkitan ini mungkin merupai ringworm atau dhobie itch tetapi ianya berlaku pada pesakit yang lebih tua atau gemuk yang mempunyai kulit berlipat basah, atau pesakit yang menghadapi diabetes. Tempoh rawatan yang lebih lama (2 minggu) mungkin diperlukan untuk merawat candidiasis.
- **Pitiriasis versikolor (Pityriasis versicolor):** Sapu selama dua minggu

Gunakan krim untuk tempoh rawatan yang disyorkan walaupun jika jangkitan nampak bertambah baik selepas beberapa hari. Jangkitan selalunya kelihatan bertambah baik tetapi akan muncul semula jika krim tidak terus digunakan mengikut arahan.

Lamisil Cream akan menyebabkan kulit anda bertambah baik dalam

beberapa hari. Lamisil Cream akan terus membaikpulih kulit walaupun tempoh rawatan telah tamat.

Jika tidak ada sebarang kemajuan selepas 2 minggu bermulanya rawatan, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk membantu rawatan

Pastikan bahagian yang terjejas dicuci dengan kerap supaya sentiasa bersih. Keringkannya dengan berhati-hati tetapi jangan menggosok. Cuba jangan menggaru walaupun ianya gatal kerana ini akan melambatkan proses penyembuhan.

Oleh sebab jangkitan ini boleh disebarkan kepada orang lain, pastikan anda tidak berkongsi tuala dan baju dengan orang lain. Untuk melindungi diri anda dari jangkitan semula, tuala dan baju harus dibasuh dengan kerap.

Jika terlupa menggunakan Lamisil Cream

Jika anda terlupa untuk menyapu krim, sapu dengan secepat mungkin dan teruskan seperti biasa. Jika anda teringat pada waktu penggunaan yang seterusnya, sapukan sahaja seperti biasa dan teruskan seperti lazimnya. Jangan sapu dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Cuba gunakan krim mengikut arahan yang diberikan. Ini adalah penting untuk memastikan mendapat keputusan yang terbaik, juga mengelakkan jangkitan berulang.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tanda-tanda terlebih dos selepas tertelan terbinafine mungkin termasuk sakit kepala, rasa mual, sakit perut dan pening.

Jika anda atau orang lain secara tidak sengaja tertelan Lamisil Cream, sila jumpa doktor anda untuk mendapatkan nasihat lanjut.

Semasa menggunakan Lamisil Cream

Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Untuk kegunaan luaran saja.
- Jangan gunakan dalam mulut atau menelannya.
- Sekiranya krim terkena mata, bilas mata dengan air yang mengalir hingga betul-betul bersih. Sekiranya sebarang ketidakselesaan berterusan, jumpa doktor anda dengan segera.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu kereta dan mengendalikan mesin

Lamisil Cream tidak mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu kereta atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Lamisil Cream boleh memberikan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kebanyakan orang mendapatkan manfaat daripada penggunaan Lamisil Cream.

BERHENTI menggunakan Lamisil Cream dan dapatkan bantuan perubatan serta-merta jika anda mengalami mana-mana tanda tindak balas alahan berikut:

- kesukaran bernafas atau menelan
- bengkak muka, bibir, lidah atau tekak
- kegatalan kulit yang teruk, dengan ruam merah atau benjol

Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

Masalah kulit seperti kulit mengelupas, kegatalan, kulit luka, kuping, gangguan kulit, warna kulit berubah, kemerahan, pedih, sakit, sakit pada bahagian yang disapu ubat, kerengsaan pada bahagian yang disapu ubat.

Kesan-kesan sampingan yang lain:

Kulit kering, ekzema, dermatitis sentuh iaitu sejenis kebengkakan kulit, ruam kulit, tanda penyakit menjadi teruk, alahan.

Berhati-hati kerana dalam kes yang jarang, jangkitan kulat kulit mungkin menjadi lagi teruk.

LAMISIL CREAM 1%®

Terbinafine hydrochloride (1% w/w)

Jika Lamisil Cream terkena mata secara tidak sengaja, kerengsaan mata boleh berlaku.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, termasuk sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk sebarang kesan sampingan yang tidak disebutkan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Penyimpanan dan pelupusan Lamisil Cream

Penyimpanan

- Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak.
- Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C
- Jangan gunakan Lamisil Cream selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak luar dan pada bekasnya. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Pastikan tiub ditutup dan disimpan dalam kotaknya.
- Simpan dalam bungkusan asal.

Pelupusan

- Jangan buang ubat melalui sinki rumah atau sampah sarap. Tanya ahli farmasi anda cara terbaik untuk membuang ubat ini tanpa mejejaskan alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa and warna produk

Lamisil Cream adalah krim yang putih, licin dan berkilat dalam tiun aluminium berkilat.

Bahan-bahan kandungan

- *Bahan Aktif*

Terbinafine hydrochloride.

- *Bahan tidak aktif*

Air tulen, sodium hydroxide, benzoyl alcohol, sorbitan stearate, cetyl palmitate, cetyl alcohol, stearyl alcohol, polysorbate 60, isopropyl

myristate.

Nombor MAL

MAL05092235XR

Pengilang

Haleon CH SARL, Nyon, Switzerland.

Pemegang Hak Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn. Bhd.
No. 15 Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian Bukit
Jelutong, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarik kemaskini RiMUP

21/3/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250311/1430